

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 3 APRIL 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1531-L10657
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bagaimanakah pencapaian setakat ini terhadap usaha Kerajaan Madani untuk mengelakkan orang tengah dalam pembelian aset-aset pertahanan negara melalui pendekatan *Government-To-Government* (G2G) yang lebih telus dan bertanggungjawab serta menjimatkan kos.
2. PN-1531-L11007
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah maklum balas dan perkembangan Kerajaan terhadap dasar dan cadangan yang dirangka di dalam Kertas Putih yang dikemukakan oleh industri besi dan keluli Malaysia.
3. PN-1531-L10788
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kesiapsiagaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membasmi masalah kebanjiran peniaga yang tidak berlesen dalam kalangan pendatang asing tanpa izin yang mencemarkan imej kawasan setempat.
4. PN-1531-L10816
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang oleh Kementerian untuk membersihkan sungai-sungai di negara ini yang banyak tercemar agar menjadi jernih dan bersih semula.

5. PN-1531-L10924
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan yang akan diambil dalam menghadapi cabaran teknologi termasuk *Artificial Intelligence* (AI) yang dilihat semakin meluas supaya ia dapat memberi manfaat yang positif kepada masyarakat.
6. PN-1531-L10933
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan mengapakah Pulau Pinang hanya mempunyai tiga (3) Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) iaitu kedua terendah dalam Malaysia serta apakah strategi Kementerian Digital untuk meningkatkan bilangan PEDi di Pulau Pinang dalam masa terdekat.
7. PN-1531-L10693
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memerangi penyakit kanser apabila pakar meramalkan jumlah kes kanser di Malaysia akan meningkat dua kali ganda menjelang tahun 2040 memandangkan sebanyak 48,639 kanser baharu direkodkan dan 29,530 kematian akibat kanser dilaporkan di negara ini bagi tahun 2020.
8. PN-1531-L10983
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membenarkan pihak swasta mengendalikan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) bagi menampung permintaan yang dijangka akan meningkat susulan penggalakan terhadap pengajian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini.
9. PN-1531-L11157
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan proses pembentukan *National Planetary Health Action Plan* yang sedang diusahakan serta apakah langkah yang sedang dilakukan untuk memastikan dokumen ini tidak bertindih dengan usaha pihak Kementerian lain sehingga mewujudkan pelbagai obligasi yang tidak munasabah ke atas sektor swasta.

10. PN-1531-L11088
Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status terkini rangka jangka panjang Kementerian mengenai kos kenaikan harga bekalan makanan asas seterusnya melonjakkan kos sara hidup yang kian membebankan rakyat.
11. PN-1531-L10898
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk meningkatkan bilangan dan fasiliti PERMATA Kurnia berikutan laporan yang menunjukkan jumlah kanak-kanak yang memerlukan pendidikan khas semakin meningkat khususnya kanak-kanak autism.
12. PN-1531-L10865
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai klinik dan jumlah penerima yang layak untuk Skim Perubatan Madani 2024 bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
13. PN-1531-L10850
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam membendung perkembangan teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) daripada disalahgunakan dalam sebarang bentuk sekali pun.
14. PN-1531-L10761
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk memberikan bawcar pembelian buku dan bahan terbitan lain kepada ibu bapa untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan generasi muda memandangkan keadaan kos sara hidup dan kos penerbitan yang kian tinggi.
15. PN-1531-L11297
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi atau pelan tindakan yang dibuat oleh pihak Kerajaan bagi mempercepatkan pemasangan stesen pengecas kenderaan eletrik (EV) di setiap lokasi seluruh negara.

16. PN-1531-L11199
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha yang dilakukan Kementerian untuk merekrut anggota tentera yang berkebolehan dalam bidang pengkomputeran, terutamanya dalam aspek teknologi kecerdasan buatan (AI).
17. PN-1531-L11413
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mandat khusus yang diamanahkan kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dalam menjayakan kemajuan ekonomi insaniah khususnya dalam aspek sumber manusia sebagai usaha bagi mengurangkan migrasi rakyat Sabah ke Semenanjung Malaysia untuk mencari peluang pekerjaan yang relevan dengan kelayakan, pengalaman dan kecenderungan.
18. PN-1531-L10767
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah untuk memastikan bahawa pemeriksaan mata hanya dilakukan oleh mereka yang terlatih dalam bidang Optometri dan tidak bebas seperti yang telah berlaku sehingga kini.
19. PN-1531-L11363
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah punca rakyat Malaysia sanggup melancong ke luar Negara berbanding melancong di dalam Negara dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk merencanakan sektor pelancongan.
20. PN-1531-L10720
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mengukuhkan kesiapsiagaan sistem pertahanan negara terhadap ancaman di angkasa lepas seperti ancaman keselamatan satelit milik negara.
21. PN-1531-L10949
Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-
(a) adakah sebanyak RM100 juta dana yang diperuntukkan kepada Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) pada tahun 2023 sudah dimanfaatkan sepenuhnya ; dan

- (b) adakah seramai 10,000 pelajar India daripada golongan B40 yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi tempatan layak mendapatkan dana tersebut.
22. PN-1531-L11038
Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kawasan tempat tinggal dan kawasan kebun Orang Asli yang dikatakan berada dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) kerana keadaan tersebut telah menghimpit kehidupan masyarakat Orang Asli untuk terus maju ke hadapan.
23. PN-1531-L10969
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah peratusan levi Human Resource Development Corporation (HRD Corp) yang akan diperuntukkan bagi tujuan geran program "*upskilling*" dan "*reskilling*" bagi tahun 2024 dan apakah program-program khas yang digalakkan bagi tujuan ini.
24. PN-1531-L10638
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha-usaha dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal harga barangan keperluan asas serta makanan yang dijual di luar bandar agar tidak dinaikkan sesuka hati oleh para peniaga.
25. PN-1531-L11404
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pendekatan berfokus yang sedang dilaksanakan bagi menjadikan pengambilan pekerja asing dalam sektor perladangan sawit yang dikendalikan oleh Kementerian dapat mengembalikan semula kepercayaan Kesatuan Eropah (EU) serta negara-negara barat yang selama ini skeptikal terhadap penyertaan pekerja asing dalam sektor sawit negara.
26. PN-1531-L11016
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan komitmen Kerajaan untuk menubuhkan satu pasukan petugas bagi melaksanakan cadangan-cadangan yang digariskan di dalam Laporan Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing yang baru-baru ini dinyahklasifikasikan.

27. PN-1531-L10797
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk memulihkan ekonomi semasa di mana keadaan ekonomi semasa terlalu perlahan walaupun dijangka akan ada peningkatan pada akhir tahun ini.
28. PN-1531-L10964
Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah peningkatan pelaburan langsung asing (FDI) akan meningkatkan produktiviti dan kadar upah di Malaysia.
29. PN-1531-L10910
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang artikel berita FMT bertarikh 25 Februari 2024 yang bertajuk "*Vietnam Strives to Master English While Malaysia Goes Backwards*". Adakah Kerajaan serius untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dan pelaksanaan *Dual Language Programme* di semua sekolah Kerajaan.
30. PN-1531-L10855
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk menambah baik servis perkhidmatan di Jabatan Imigresen Malaysia terutamanya berkaitan servis permohonan pasport yang sering kali menjadi rungutan orang awam.
31. PN-1531-L11160
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan strategik untuk mengembangkan ekonomi penjagaan sebagai salah satu solusi dalam menangani cabaran dan memanfaatkan peluang yang disediakan khususnya dalam meningkatkan kualiti pekerjaan, mengurangi ketidaksamaan dan memperkuatkan ketahanan ekonomi sosial negara berhubung transformasi global yang dibawa oleh Revolusi Industri Keempat (4IR) yang telah mengubah landskap ekonomi dan pekerjaan.

32. PN-1531-L10714

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah pingat yang disasarkan untuk temasya Olimpik Paris 2024 memandangkan enam (6) bulan lagi Kejohanan Sukan Olimpik 2024 di Paris bakal membuka tirai dan pastinya negara akan memulakan misi untuk memburu pingat emas yang pertama .

33. PN-1531-L11380

Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam isu melibatkan permohonan suaka (*assylum seeker*) oleh warga Rohingya serta adakah Kerajaan bercadang untuk menghantar permohonan suaka ke negara ketiga seperti yang dilakukan oleh Australia dan United Kingdom.

34. PN-1531-L11079

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian jumlah guru mengikut opsyen dan kelayakan serta bagaimanakah Kerajaan menangani isu imbalance penempatan mengikut kesesuaian unjuran guna tenaga guru menengah dan rendah berdasarkan penetapan opsyen dan kompetensi guru.

35. PN-1531-L11172

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah terkini Kementerian dalam menangani masalah buli, tekanan kerja, dan depresi dalam kalangan doktor dan kakitangan perubatan di hospital awam Malaysia.

36. PN-1531-L11053

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peranan bersama yang dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam memantau setiap disiplin Bahasa Melayu yang digunakan dalam lagu, dialog, sari kata filem, drama bersiri atau mana-mana karya seni tempatan dan antarabangsa yang diterbitkan menerusi pelbagai platform termasuk Netflix.

37. PN-1531-L10820

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan Kementerian bagi memastikan pembangunan Sabah dan Sarawak seimbang dengan Semenanjung Malaysia daripada segi infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air bersih dan tenaga elektrik terutamanya kawasan pedalaman Sarawak.

38. PN-1531-L11375
Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam meminimumkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak di Kuala Lumpur.
39. PN-1531-L11262
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana benih padi IS21 keluaran Agensi Nuklear Malaysia diperluas ke kawasan tanaman padi di negeri Kedah.
40. PN-1531-L10653
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian Kesihatan memiliki aset pengangkutan udara sendiri bagi tujuan menyelamatkan dan memindahkan mangsa-mangsa yang memerlukan rawatan dalam suasana musibah tertentu atau kerana berada di pedalaman.
41. PN-1531-L11127
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan prestasi atlet negara bagi sukan-sukan renang dan badminton serta apakah usaha Kerajaan yang perlu dipertingkatkan untuk memperbaiki pencapaian atlet supaya meraih kemenangan dalam pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa.
42. PN-1531-L11241
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pelaksanaan projek rintis Perumahan Inklusif MADANI yang dibangunkan untuk golongan sasaran di bandar utama seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.
43. PN-1531-L11283
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memastikan isu pekerjaan di bawah kelayakan pendidikan (*underemployment*) terutama dalam kalangan para graduan yang mempunyai kelulusan tertiar dapat ditangani secara berkesan, sekaligus meningkatkan pencapaian tahap guna tenaga penuh.

44. PN-1531-L10696
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah inisiatif yang bakal diambil Kementerian bagi menyebarkan informasi dan kefahaman mengenai konsep Malaysia Madani kepada rakyat di seluruh negara memandangkan masih terdapat cubaan daripada pihak tertentu untuk mengelirukan rakyat.
45. PN-1531-L11247
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah kumpulan penggerak Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta Dalam Pendidikan (PIBKS) yang aktif di seluruh negara serta apakah geran dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk memperkasa PIBKS di seluruh negara.
46. PN-1531-L11062
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah lantikan terkini profesor adjung di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang terdiri dalam kalangan profesional syarikat tempatan beserta tanggungan kewangan bulanan universiti bagi pembayaran emolumen serta apakah jaminan setiap pelantikan itu relevan terhadap pembangunan akademik dan intelektual sesebuah fakulti di universiti antarabangsa tersebut.
47. PN-1531-L10739
Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah menetapkan sasaran jumlah minimum pingat yang boleh dicapai oleh atlet kontinjen Malaysia yang menyertai Sukan Olimpik Paris 2024 dan apakah jenis-jenis sukan yang disasarkan bagi memperoleh pingat-pingat tersebut.
48. PN-1531-L10682
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah unjuran pendapatan yang dijangkakan akan diperolehi pada tahun 2024 memandangkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menasarkankan kutipan cukai pendapatan Syarikat melalui akaun luar pesisir.
49. PN-1531-L11251
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membangunkan lebih banyak lagi Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit di seluruh negara bagi menangani isu psikososial.

50. PN-1531-L11190
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam memohon Kampung Baru, Kuala Lumpur sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.
51. PN-1531-L11147
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha bagi memastikan dokumentasi serta penciptaan teknologi R&D (Penyelidikan dan Pembangunan) dan PI (Penciptaan Intelek) tempatan dalam pembangunan pihak-franchisor tempatan.
52. PN-1531-L11434
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah permohonan taraf kewarganegaraan yang telah diluluskan di kawasan pedalaman Sabah serta berapa kerap program MEKAR JPN yang dilaksanakan melibatkan kawasan pedalaman dan kepulauan di Sabah memandangkan akses darjah ketersampaian yang terhad melibatkan penduduk di kawasan ini.
53. PN-1531-L11110
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah usaha dan strategi Kementerian dalam membasmi kemiskinan rakyat terutamanya bagi golongan miskin bandar dan sejauh manakah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) telah berjaya mencapai objektif untuk menambah pendapatan keluarga miskin di samping menyelesaikan masalah ekonomi harian.
54. PN-1531-L11313
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan pemerkasaan perkhidmatan perubatan di Hospital USM Kubang Kerian.
55. PN-1531-L11271
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan susulan yang diambil Wisma Putra bagi menangkis dakwaan yang dibuat oleh *Federal Bureau Investigation* (FBI) terhadap tiga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam negara yang didakwa terlibat dengan aktiviti keganasan.

56. PN-1531-L11424
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menyediakan pembinaan atau sekurang-kurangnya menaiktaraf kemudahan infrastruktur sukan seperti padang bola sepak, sepak takraw, bola tampar, futsal dan sebagainya di setiap daerah di negara ini.
57. PN-1531-L11070
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah PDRM dapat mengenal pasti Jenayah Pemalsuan No. Plat Motokar atau Kenderaan bilamana Lesen Kenderaan Motor (LKM) tidak lagi wajib dipamerkan bermula Februari 2023.
58. PN-1531-L10672
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah terdapat program khusus yang dijalankan untuk menggalakkan kolaborasi antara institusi penyelidikan, universiti, dan sektor industri dalam mendorong inovasi serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan Malaysia kekal relevan dan bersaing di peringkat antarabangsa dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.
59. PN-1531-L10994
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah setakat ini keberkesanan pelaksanaan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) mencapai sasaran tujuannya dan bagaimana pula keberkesanan sistem ini dalam membantu keluarga sasar.
60. PN-1531-L11339
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pendirian Kementerian berkaitan cadangan untuk mewujudkan semula Pilihanraya Kerajaan Tempatan dan justifikasi kepada cadangan ini.
61. PN-1531-L11218
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan semasa cadangan untuk memperluaskan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) kepada gerakan koperasi khususnya kumpulan belia, B40 dan kumpulan rentan untuk menjana pendapatan.

62. PN-1531-L11167

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan akan meneliti program sedia ada termasuk Parlimen Belia untuk menurunkan had umur penyertaan selari dengan umur belia terkini iaitu 15 - 30 tahun selaras dengan perancangan Kerajaan untuk menurunkan had umur belia kepada 30 tahun.

63. PN-1531-L11352

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah statistik terkini bidang pekerjaan yang ditawarkan oleh Kerajaan dan swasta kepada belia dan berapakah pengisian setakat ini.

64. PN-1531-L10875

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlat atlet atau pasukan Kebangsaan yang telah mendapat kelayakan ke temasya Sukan Olimpik di Paris tahun 2024 setakat ini dan berapakah jenis sukan yang dijangka akan disertai oleh kontinjen Malaysia di temasya tersebut.

65. PN-1531-L11027

Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bentuk kajian yang dilaksanakan susulan inisiatif bagi memanjangkan tempoh sah laku pasport kepada 10 tahun dan apakah input yang diperoleh oleh Kementerian terhadap cadangan ini melalui pemegang taruh yang telah dilibatkan.

66. PN-1531-L10972

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah mekanisme yang sedang atau telah dirangka oleh Kementerian dalam usaha menstruktur semula ekonomi agar dapat merangsang keyakinan pelabur asing untuk terus melabur.

67. PN-1531-L11208

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana Malaysia mendapat manfaat di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* dan *The Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)* dalam menstabilkan harga getah.

68. PN-1531-L10723

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pelan jangka sederhana dan panjang Kementerian dalam mencapai integrasi menegak bagi industri semikonduktor Malaysia.

69. PN-1531-L11231

Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan pelancong dari Negara China yang keluar dari Malaysia setelah tamat visa mereka.

70. PN-1531-L11330

Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan senarai lokasi, etnik bangunan, makanan dan kebudayaan yang dianggap khazanah berharga negara yang telah diiktiraf Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|--------------------------|
| 1. | (D.R.3/2024) | Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua |
|----|----------------|---|--------------------------|

[Menteri Kewangan]

- | | | | |
|----|----------------|--|--------------------------|
| 2. | (D.R.1/2024) | Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua |
|----|----------------|--|--------------------------|

[Menteri Kewangan]

- | | | | |
|----|----------------|--|--------------------------|
| 3. | (D.R.9/2024) | Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua |
|----|----------------|--|--------------------------|

[Menteri Kewangan]

- | | | | |
|----|-----------------|--|--------------------------|
| 4. | (D.R.10/2024) | Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Kedua |
|----|-----------------|--|--------------------------|

[Menteri Kewangan]

- | | | | |
|----|----------------|---|--------------------------|
| 5. | (D.R.8/2024) | Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Dewan Rakyat). | Bacaan Kali Kedua |
|----|----------------|---|--------------------------|

[Menteri Digital]

- | | | | |
|----|-----------------|---|--------------------------|
| 6. | (D.R.35/2023) | Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Kedua |
|----|-----------------|---|--------------------------|

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

7. (D.R.2/2024) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]**
8. (D.R.28/2023) Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**
9. (D.R.29/2023) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**